

KOMUNIKASI INTERAKTIF

DAPATAN KESELURUHAN



STRATEGI KETIDAKSANTUNAN BAHASA DALAM

ISU PANDEMI COVID-19 DI MEDIA SOSIAL

PENGANTARAN

Zaman ledakan teknologi kini telah memperlihatkan penggunaan media sosial yang semakin kerap dalam kalangan masyarakat, terutamanya generasi muda. Interaksi komunikatif yang terjalin menerusi media sosial terutamanya dilihat sangat aktif di awal penubuhannya pada tahun 1978 dan makin berkembang saban tahun. Media sosial telah menjadi ruang komunikasi yang lebih menarik apabila wujudnya media sosial yang bersifat hiburan seperti Facebook, WeChat, Twitter dan Instagram. Namun begitu, disebabkan komunikasi yang dibina di dalam media sosial adalah dalam bentuk tidak bersemuka dan atas talian, pengguna cenderung untuk tidak meletakkan batas dalam pergaulan apabila berkomunikasi bersama pengguna lain. Gaya penulisan komen, penggunaan simbol yang kurang sesuai serta isu yang dibangkitkan semasa memberikan pendapat atau kritikan menerusi penulisan komen di media sosial memperlihatkan personaliti sebenar pengguna yang lantang bersuara.

PERMASALAHAN KAJIAN

Komunikasi di dalam media sosial yang bersifat atas talian dan tidak bersemuka membuatkan pengguna cenderung untuk tidak meletakkan batas dalam pergaulan bersama pengguna lain. Di samping itu, kelantangan pengguna dalam menyuarakan pendapat masing-masing menerusi penulisan komen dan mesej juga menjadi kebimbangan terbesar. Selain itu, pendapat yang diutarakan dalam media sosial disampaikan dengan tidak beradab. Akhir sekali, kemajuan teknologi yang berkembang seiring dengan peredaran zaman telah menjadikan sifat santun dalam diri masyarakat Melayu semakin pudar.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenal pasti strategi ketidaksantunan bahasa yang diaplikasikan pengguna di laman Buzzkini tentang perkongsian isu Covid-19.
2. Menganalisis penggunaan strategi ketidaksantunan bahasa yang diaplikasikan pengguna di laman Buzzkini tentang perkongsian isu Covid-19.

METODOLOGI KAJIAN

1. Kaedah kepustakaan
2. Analisis teks
3. Penjadualan data

KEPENTINGAN KAJIAN

Mengajak serta membuka mata generasi muda agar lebih menitikberatkan penggunaan kata-kata yang santun semasa berkomunikasi di media sosial. Di samping itu, kajian ini juga dapat menjadi medium untuk masyarakat menyuarakan pandangan berkenaan isu yang kini hangat diperkatakan. Secara tidak langsung, maklum balas yang diberikan oleh pengguna media sosial dapat digunakan oleh kerajaan Malaysia untuk menambah baik masalah yang melanda negara, terutama sekali masalah yang melibatkan komunikasi secara virtual. Akhir sekali, kajian ini turut dapat mengisih jurang penyelidikan yang membahas aspek ketidaksantunan melalui Komunikasi Berantaraan Komputer(CMC). Contohnya, komunikasi dalam media sosial (Facebook, Instagram, Twitter).

Lawati Pusat Maklumat COVID-19 untuk bekalan vaksin. Dapatkan Maklumat Vaksin

SANDARAN TEORI

Memaparkan salah satu strategi komunikasi yang bertujuan untuk menyerang muka lawan tutur. Strategi ini didasari oleh teori ketidaksantunan yang diasaskan oleh Brown dan Levinson (1987) dan Culpeper (1996) berpendapat bahawa teori ini berlawanan dengan teori Kesantunan yang dibincangkan oleh B&L kerana strategi ini bertujuan untuk mengancam air muka lawan tutur sehingga timbulnya konflik sosial sewaktu berkomunikasi. Terdapat lima strategi digariskan dalam teori ini, iaitu i) Ketidaksantunan Secara Langsung, ii) Ketidaksantunan Positif, iii) Ketidaksantunan Negatif, iv) Sindiran dan v) Menahan Kesantunan.



MUHAMMAD AL-FATEH SAAD, ARINA JOHARI & NURUL JAMILAH ROSLY